

OUCH!

DALAM ISU INI...

- Melindungi Diri Anda
- Melindungi Komputer Anda
- Untuk Ibubapa

Bermain Dalam Talian dengan Selamat dan Terjamin

Pengenalan

Permainan dalam talian adalah satu cara untuk berseronok. Bagaimanapun ia ada risiko uniknya yang tersendiri. Dalam surat berita ini kami akan membuat liputan apa yang boleh anda dan keluarga lakukan untuk kekal selamat ketika bermain dalam talian.

Melindungi Diri Anda

Apa yang menjadikan permainan dalam talian sangat menyeronokkan ialah anda boleh bermain dan berkomunikasi dengan pemain lain dari serata dunia. Selalunya anda mungkin tidak mengenali mereka yang bermain dengan anda. Walaupun ramai yang berada dalam talian mahu berseronok seperti anda, ada juga yang mahu melakukan kerosakan. Berikut adalah langkah-langkah yang boleh anda ambil untuk kekal selamat.

- Sentiasa berwaspada terhadap sebarang mesej yang memerlukan anda mengambil tindakan seperti klik pada pautan atau memuat turun fail. Sama seperti serangan memancing data melalui emel, mereka yang berniat jahat akan cuba untuk memperdayakan anda di permainan dalam talian supaya mengambil tindakan yang boleh menjangkiti komputer atau mencuri identiti anda. Jika sesuatu mesej kelihatan pelik, mustahak, atau terlalu baik untuk menjadi kenyataan, berhati-hati kerana ia berkemungkinan satu serangan.
- Dalam kebanyakan permainan dalam talian mempunyai pasaran kewangan tersendiri dimana anda boleh berdagang, bertukar-tukar atau membeli barangan maya. Sama seperti dunia sebenar, terdapat penipu sistem yang akan cuba untuk mencuri duit atau sebarang matawang maya yang telah anda kumpul. Hanya berurusan dengan mereka yang mempunyai reputasi yang dipercayai.
- Gunakan frasa laluan yang kukuh untuk sebarang akaun permainan. Dengan cara ini penyerang tidak dapat meneka kata laluan dan mengambil alih akaun anda dengan mudah. Jika permainan menawarkan penentusahan dua-langkah, maka gunakan ia. Sebagai tambahan, pastikan semua akaun dalam talian anda menggunakan kata laluan yang berbeza. Dengan cara ini jika salah satu permainan anda dikompromi, akaun-akaun yang lain masih selamat. Sukar untuk mengingati kesemua kata laluan anda? Pertimbangkanlah untuk menggunakan pengurus kata laluan.

Melindungi Sistem Anda


Orang jahat mungkin akan cuba untuk menggodam atau mengambil alih komputer yang anda gunakan untuk bermain. Anda perlu bertindak untuk melindunginya.

Editor Jemputan

Steve Armstrong adalah pengasas Logical Secure, pengajar SANS yang bertauliah, dan arkitek kepada CyberCPR and Incident Management Platform. Beliau aktif di Twitter sebagai [@Nebulator](#) dan bekerja dengan banyak syarikat permainan besar di dunia; memenuhi impian semasa beliau kecil dan secara profesional!

Bermain Dalam Talian dengan Selamat dan Terjamin

- Lindungi komputer dengan menggunakan sistem operasi dan perisian permainan yang terkini. Perisian yang lama dan lapuk mempunyai kerentanan yang boleh di eksploitasi dan digunakan penyerang untuk menggodam komputer anda. Dengan memastikan komputer dan aplikasi permainan dikemas kini, anda menyingkirkan kebanyakan dari kerentanan yang diketahui tersebut.
- Gunakan perisian antivirus, dan pastikan ianya dikemas kini dan mampu menyemak sebarang fail yang anda buka secara masa nyata.
- Muat turun perisian permainan hanya dari laman web yang dipercayai. Selalunya penyerang siber akan mencipta versi permainan yang palsu atau dijangkiti, dan kemudian mengagihkannya dari pelayar mereka.
- Pek tokokan permainan yang sering kali dibangunkan oleh komuniti pemain selalunya digunakan untuk menambah ciri-ciri baru. Penyerang kadang-kala menjangkiti pek permainan ini dengan perisian hasad. Sama seperti anda memuat turun permainan, pastikan anda memuat turun tokokan dari lokasi yang dipercayai. Sebagai tambahan, jangan gunakan tokokan yang memerlukan anda mematikan antivirus atau membuat perubahan kepada tetapan keselamatan,.
- Terdapat banyak pasaran tidak sah untuk menyokong aktiviti penipuan. Selain dari tidak beretika, kebanyakan program untuk menipu adalah perisian hasad yang akan menjangkiti komputer anda. Jangan pasang atau gunakan apa-apa jenis perisian atau laman web untuk menipu.
- Semak laman web permainan dalam talian yang anda gunakan. Kebanyakan laman mempunyai bahagian untuk melindungi diri dan sistem anda.
- Akhir sekali, sentiasa berhati-hati bermain menggunakan peranti mudah alih sama seperti anda bermain di komputer. Penyerang siber mula menyasar peranti mudah alih juga.



Kunci kepada permainan dalam talian selamat ialah dengan menggunakan kata laluan yang kukuh, lindungi komputer dan gunakan akal apabila anda menerima mesej atau permintaan yang mencurigakan.

Untuk Ibumama atau Penjaga

Kanak-kanak perlukan perlindungan dan pendidikan tambahan ketika bermain permainan dalam talian. Pendidikan dan dialog secara terbuka dengan anak-anak merupakan langkah paling efektif yang boleh anda ambil untuk melindungi mereka. Salah satu helah yang kegemaran kami untuk membuat anak-anak bercakap adalah meminta mereka menunjukkan bagaimana permainan mereka dimainkan, ajak mereka menunjukkan anda dunia dalam talian mereka dan juga bagaimana gambaran biasa yang mereka lihat. Malah mungkin juga dengan bermain bersama mereka. Sebagai tambahan, suruh mereka ceritakan tentang pemain-pemain lain yang mereka temui dalam talian. Adakalanya permainan dalam talian merupakan perkara penting dalam kehidupan sosial anak anda. Dengan bercakap dengan mereka (dan dapatkan mereka untuk berkomunikasi dengan anda) anda boleh mengesan sebarang masalah dan lindungi mereka dengan lebih efektif dari mana-mana teknologi. Langkah-langkah tambahan termasuklah:

Bermain Dalam Talian dengan Selamat dan Terjamin

- Ambil tahu permainan yang mereka main dan pastikan permainan tersebut bersesuaian dengan umur mereka.
- Hadkan maklumat yang anak-anak anda kongsi di dalam talian. Sebagai contoh, mereka tidak seharusnya berkongsi kata laluan, umur, nombor telefon atau alamat rumah.
- Pertimbangkan untuk meletakkan komputer untuk mereka bermain di kawasan terbuka supaya anda boleh memerhatikan mereka. Sebagai tambahan, kanak-kanak tidak sepatutnya bermain permainan video di bilik mereka atau pada lewat malam.
- Buli, bahasa kasar atau apa sahaja perlakuan anti sosial boleh mendatangkan masalah.. Perhatikan anak-anak anda kerana jika mereka nampak kecewa setelah bermain, mereka mungkin dibuli dalam talian. Jika mereka dibuli di dalam talian, hentikan mereka dari permainan tersebut dan beri permainan yang lebih mesra kanak-kanak, atau suruh mereka main permainan dalam talian dengan kawan-kawan yang dipercayai.
- Ketahui jika permainan anak anda menyokong pembelian dalam aplikasi dan jenis-jenis percantasan ibubapa yang mereka sediakan.

Mari Belajar Lebih Lanjut!

Langganilah surat berita bulanan berkenaan Kesedaran Keselamatan Untuk Pengguna Komputer OUCH!, akseslah arkib OUCH!, dan belajar lebih lanjut mengenai penyelesaian kesedaran keselamatan SANS dengan melayari laman sesawang kami di securingthehuman.sans.org/ouch/archives.

Penterjemahan oleh SNSC.

Pusat Keselamatan Rangkaian SKMM (SKMM Network Security Centre- SNSC) beroperasi di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan matlamat menjamin keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian di Malaysia. Laman Web: <http://snc.skmm.gov.my/>.

Sumber

Securing Your Home Network:	https://securingthehuman.sans.org/ouch/2016#february2016
Social Engineering:	https://securingthehuman.sans.org/ouch/2017#january2017
Passphrases:	https://securingthehuman.sans.org/ouch/2017#april2017
Password Manager:	https://securingthehuman.sans.org/ouch/2015#october2015
Two-step Verification:	https://securingthehuman.sans.org/ouch/2015#september2015

OUCH! diterbitkan oleh program SANS "Securing The Human" dan diedarkan di bawah lesen [Creative Commons BY-NC-ND 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/). Kebenaran diberikan untuk mengedarkan surat berita ini atau menggunakannya dalam mana mana program kesedaran selagi tiada perubahan dibuat kepada kandungan asal.

Editor: Walt Scrivens, Phil Hoffman, Cathy Click, Cheryl Conley
Translated by: Muhamad Hashimi, Rahayu Aziz, and Sheikh Ahmad Raffie



securingthehuman.sans.org/blog



[/securethehuman](https://www.facebook.com/securethehuman)



[@securethehuman](https://twitter.com/securethehuman)



[securingthehuman.sans.org/gplus](https://plus.google.com/securingthehuman.sans.org)